

## KOLEKSI TEMBIKAR TRADISIONAL DAN TEMBIKAR PRASEJARAH DI MUZIUM SULTAN ABU BAKAR, PAHANG: DOKUMENTASI DAN ANALISIS MORFOLOGI AWALAN

(*TRADITIONAL AND PREHISTORIC POTTERY COLLECTIONS AT SULTAN ABU BAKAR MUSEUM, PAHANG: DOCUMENTATION AND PRELIMINARY MORPHOLOGICAL ANALYSIS*)

Esnita Sonie, Suresh Narayanan, Nasha Rodziadi Khaw, Nini Havela Dishong, Ahmad Fadly Jusoh, Mohamad Ammar Supe & Mohammad Ajib Rosman

### Abstrak

---

Artikel ini melaporkan hasil kerja dokumentasi dan analisis tembikar yang telah dijalankan di Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang. Sebanyak lapan belas (18) tembikar tradisional iaitu dua belas (12) daripadanya ialah tembikar jenis terenang, lima (5) jenis belanga dan satu (1) tembikar jenis periuk serta beberapa serpihan tembikar prasejarah telah direkodkan. Kesemua tembikar ini telah dikaji menggunakan pendekatan morfologi. Analisis morfologi adalah satu bentuk kajian tentang ciri fizikal tembikar seperti saiz, berat, warna, bentuk, ketebalan, kemasan permukaan dan hiasan. Kajian-kajian lalu turut membuktikan bahawa nilai estetika pada tembikar dapat dijelaskan melalui bentuk motif, simbol dan ragam hiasnya. Analisis morfologi yang dijalankan ke atas tembikar prasejarah juga telah menyumbang maklumat asas tentang profil bibir dan ragam hias tembikar dari tiga buah tapak arkeologi di Pahang iaitu Gunung Senyum, Gua Bama dan Gua Sagu. Laporan awal ini diharapkan dapat menjadi bahan rujukan asas bagi kajian tembikar di Muzium Sultan Abu Bakar pada masa akan datang sekali gus memperkasa pengetahuan kita tentang warisan tembikar dulu dan kini di Pahang..

---

**Kata kunci:** Tembikar tradisional, tembikar prasejarah, Muzium Sultan Abu Bakar, dokumentasi, analisis morfologi

### Abstract

---

*This article reports on the documentation and pottery analysis work carried out at the Sultan Abu Bakar Museum in Pekan, Pahang. A total of eighteen (18) traditional pottery, twelve (12) of which are Terenang, five (5) Belanga, one (1) Periuk and several fragments of prehistoric pottery were recorded. All these potteries were studied using the morphological approach. Morphological analysis is a form of study of the physical appearance of pottery such as size, weight, colour, shape, thickness, surface finish and decoration. Previous studies have proven that the aesthetic value of pottery can be defined through its motifs, symbols and decorative patterns. Morphological analysis conducted on prehistoric pottery from Gunung Senyum, Gua Bama and Gua Sagu also provided some basic information on the rim profile and surface decoration. It is hoped that this preliminary report can serve as a*

*baseline for future studies of pottery at Sultan Abu Bakar Museum as well as in deepening our understanding towards the heritage of past and present pottery in Pahang*

---

**Keywords:** Traditional pottery, prehistoric pottery, Sultan Abu Bakar Museum, documentation, morphological analysis

## PENGENALAN

Muzium Sultan Abu Bakar merupakan salah sebuah muzium di bawah pentadbiran Perbadanan Muzium Negeri Pahang (PMNP) yang memiliki himpunan barang lama dan antik merangkumi artifak zaman prasejarah hingga peralatan etnografi Orang Asli dan budaya material masyarakat Melayu negeri Pahang itu sendiri. Turut dipamerkan di muzium-muzium di bawah PMNP ini adalah peralatan dan objek yang mempunyai hubungan rapat dengan institusi Diraja Pahang. Contohnya, alat sukan polo, alat muzik gong, senjata tradisional seperti keris dan lembing, perkakas emas, perak dan gangsa, pakaian tradisional, potret kesultanan negeri Pahang dan pahlawan Melayu Pahang yang dibuat daripada arang, peta-peta lama dan dokumentasi penting seperti salinan manuskrip Sejarah Melayu. Sudut pameran khas bagi artifak arkeologi sedang dibangunkan di Muzium Sultan Abu Bakar pada tahun 2020.

Daripada sudut sejarah, bangunan Muzium Sultan Abu Bakar yang asalnya diperbuat daripada kayu itu pernah digunakan sebagai kediaman rasmi Residen British di Pahang. Ketika Perang Dunia Kedua bangunan ini telah digunakan sebagai rumah kediaman pegawai-pegawai atasan tentera Jepun. Pada tahun 1948, sultan yang memerintah Pahang pada ketika itu, Almarhum Sultan Abu Bakar R'iayatuddin Al-Mu'adzam Shah berhasrat untuk menjadikan bangunan tersebut sebagai Istana Rasmi Negeri Pahang dan diberi gelaran 'Istana Kota Beram' bagi menggantikan Istana Sri Terentang yang telah dirobohkan pada tahun 1940-an (Portal Diraja Pahang 2021). Bagaimanapun, antara tahun 1959-1965 istana baru telah dibina berhampiran bekas kawasan Istana Terentang untuk dijadikan istana bersemayam Sultan Pahang (Portal Diraja Pahang 2021). Pada tahun 1976 pejabat Lembaga Muzium Negeri Pahang telah dipindahkan ke Istana Kota Beram. Bangunan istana ini telah melalui beberapa fasa pengubahsuaian dan konservasi, antaranya skop kerja pemuliharaan untuk menanggalkan komponen tingkap di ruang koridor bagi mengembalikan semula keadaan asal bangunan (Jabatan Warisan Negara 2016). Selain itu, papan lantai muzium turut digantikan dengan jenis kayu dan ukuran papan yang sama seperti asal bagi kedua-dua tingkat bangunan kerana sebahagian besar papan lantai telah mengalami kerosakan (Jabatan Warisan Negara 2016). Reka bentuk, gaya dan pengisian muzium ini lebih berkonsepkan muzium terbuka yang terdapat di Eropah iaitu Muzium Louvre, Perancis. Selepas selesainya kerja-kerja pengubahsuaian muzium ini telah dibuka secara rasmi pada 21 Oktober 1976 dan diberi nama Muzium Sultan Abu Bakar (Foto 1). Ia terletak kira-kira 1 kilometer daripada Bandar Diraja Pekan, Pahang.

Berdasarkan catatan pengkaji-pengkaji lepas, PMNP memiliki koleksi tembikar tradisional yang banyak, namun dokumentasi dan diskusi mendalam tentang tembikar-tembikar ini tidak dilakukan secara terperinci. Artikel ini merupakan hasil kerja dokumentasi dan analisis morfologi tembikar yang dijalankan di Muzium Sultan Abu Bakar dari 11 hingga 12 Ogos 2020 oleh pasukan penyelidik di bawah penyeliaan Dr. Suresh Narayanan dari Pusat Penyelidikan Arkeologi Global (PPAG), Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang (Lampiran 1). Tujuan utama dokumentasi dan analisis ini dijalankan adalah untuk mengetahui jumlah, jenis dan bentuk tembikar tradisional yang terdapat dalam simpanan Muzium Sultan Abu Bakar. Selain itu, tembikar prasejarah dari tiga buah tapak arkeologi di Pahang turut dikaji ketika tinjauan ini. Data yang dikumpul melalui kajian ini akan digunakan untuk analisis perbandingan dan pentafsiran data etnoarkeologi antara tembikar prasejarah dan tembikar tradisional bukan sahaja di Pahang malah bagi seluruh Semenanjung Malaysia pada masa akan datang.

Lawatan selama dua hari di Muzium Sultan Abu Bakar telah membawa hasil yang positif dan banyak maklumat telah diperoleh tentang tembikar melalui perbincangan bersama staf muzium dan bahan bacaan di pusat sumber PMNP. Selain itu, pemerhatian dan analisis awal terhadap tembikar tradisional yang dipamerkan di galeri Muzium Sultan Abu Bakar telah menyumbang data penting khususnya daripada sudut tipologi dan motif corak. Di stor muzium pula tembikar jenis periuk masak, belanga, terenang dan himpunan serpihan tembikar prasejarah telah direkodkan.

Berikut adalah hasil dokumentasi dan analisis morfologi yang dijalankan ke atas tembikar tradisional di Muzium Sultan Abu Bakar. Tembikar di Kompleks Kampung Budaya Pulau Keladi tidak dibincangkan dalam artikel ini. Sedikit ulasan tentang tembikar prasejarah yang terdapat dalam koleksi Muzium Sultan Abu Bakar dimuatkan dalam bahagian akhir artikel ini.



Foto 1. Muzium Sultan Abu Bakar di Pekan, Pahang

### **SPESIMEN TEMBIKAR TRADISIONAL**

Sebanyak lapan belas (18) tembikar tradisional telah direkodkan Muzium Sultan Abu Bakar. Lima (5) daripadanya kini ditempatkan di galeri muzium manakala tiga belas (13) lagi disimpan di bilik simpanan artifak. Hasil analisis mendapati kesemua tembikar ini berada dalam keadaan yang lengkap dan sempurna. Namun, sebilangan kecil tembikar-tembikar ini mempunyai kesan retak di bahagian bibir dan badan.

Analisis klasifikasi awalan mendapati terdapat dua belas (12) tembikar jenis terenang, lima (5) tembikar jenis belanga dan satu (1) tembikar jenis periuk masak. Kesemua tembikar ini merupakan produk buatan tempatan iaitu dari Kampung Pasir Durian di Jerantut kecuali tembikar jenis periuk masak yang dipercayai berasal dari Kelantan. Maklumat lain tentang perolehan tembikar periuk masak sama ada dibeli atau diterima sebagai hadiah tidak diketahui kerana tidak terdapat dalam rekod PMNP. Deskripsi tentang ukuran, berat, warna dan foto bagi setiap tembikar tradisional yang direkodkan di Muzium Sultan Abu Bakar adalah seperti dalam Jadual 1. Pengenalpastian bentuk dan corak tembikar telah dilakukan menggunakan beberapa sumber terkini, antaranya adalah Suresh (2017), Siti Zainon (2018) dan Ayub et al. (2019).

Jadual 1. Tembikar tradisional di Muzium Sultan Abu Bakar

Bil	Spesimen Tembikar	Ukuran
01.	TRNG 1	 <p>Lilitan mulut: 54.2 cm  Diameter mulut: 17.0 cm  Lilitan leher: 39.1 cm  Lilitan badan: 88.0 cm  Tinggi: 21.0 cm  Berat: 1760 g  Warna: 10yr 2/1 (<i>Black</i>)</p>
02.	TRNG 3 (LMP 129. 79 B)	 <p>Lilitan mulut: 54.0 cm  Diameter mulut: 17.3 cm  Lilitan leher: 38.5 cm  Lilitan badan: 93.3 cm  Tinggi: 21.0 cm  Berat: 2180 g  Warna: 7.5yr 3/2 (<i>Dark brown</i>)</p>
03.	TRNG 5	 <p>Lilitan mulut: 58.0 cm  Diameter mulut: 17.9 cm  Lilitan leher: 38.2 cm  Lilitan badan: 87.0 cm  Tinggi: 19.2 cm  Berat: 2169 g  Warna: 10yr 3/2 (<i>Very dark grayish brown</i>)</p>

## 04. TRNG 8



Lilitan mulut: 59.0 cm  
Diameter mulut: 16.6 cm  
Lilitan leher: 42.6 cm  
Lilitan badan: 85.8 cm  
Tinggi: 20.4 cm  
Berat: 1783 g  
Warna: 10 yr 3/3 (*Dark brown*)

## 05. TRNG 9



Lilitan mulut: 55.0 cm  
Diameter mulut: 16.7 cm  
Lilitan leher: 37.0 cm  
Lilitan badan: 84.8 cm  
Tinggi: 19.5 cm  
Berat: 1800 g  
Warna: 2.5YR 5/3 (*Dark reddish brown*)

## 06. TRNG 12



Lilitan mulut: 52.0 cm  
Diameter mulut: 16.4 cm  
Lilitan leher: 38.0  
Lilitan badan: 85.0 cm  
Tinggi: 18.0 cm  
Berat: 1801 g  
Warna: 10yr 2/1 (*Black*)

## 07. TRNG 14



Lilitan mulut: 52.1 cm  
Diameter mulut: 15.7 cm  
Lilitan leher: 37.8 cm  
Lilitan badan: 83.2 cm  
Tinggi: 20.7 cm  
Berat: 1917 g  
Warna: 10yr 2/1 (*Black*)

## 08. TRNG 15



Lilitan mulut: 57.0 cm  
Diameter mulut: 18.0 cm  
Lilitan leher: 43.6 cm  
Lilitan badan: 85.0 cm  
Tinggi: 19.4 cm  
Berat: 1808 g  
Warna: 10yr 2/1 (*Black*)

## 09. TRNG 18



Lilitan mulut: 54.0 cm  
Diameter mulut: 17.0 cm  
Lilitan leher: 39.0 cm  
Lilitan badan: 70.0 cm  
Tinggi: 17.6 cm  
Berat: 1482 g  
Warna: 5yr 5/6 (*Yellowish red*)

## 10. TRNG 21



Lilitan mulut: 52.0 cm  
Diameter mulut: 16.4 cm  
Lilitan leher: 40.0 cm  
Lilitan badan: 85.2 cm  
Tinggi: 19.6 cm  
Berat: 2153 g  
Warna: 10yr 2/1 (*Black*)

## 11. TRNG 22 (24 KMP)



Lilitan mulut: 52.8 cm  
Diameter mulut: 16.0 cm  
Lilitan leher: 39.0 cm  
Lilitan badan: 85.0 cm  
Tinggi: 19.3 cm  
Berat: 1731 g  
Warna: 10 yr 3/3 (*Dark brown*)

## 12. LMND 412. 93 B



Lilitan mulut: 53.2 cm  
Diameter mulut: 16.66 cm  
Lilitan leher: 35.4 cm  
Lilitan badan: 82.0 cm  
Tinggi: 20.9 cm  
Berat: 1874 g  
Warna: 10yr 4/4 (*Dark yellowish brown*)

## 13. LMND 210.80 B



Lilitan mulut: 102.2 cm  
Diameter mulut: 24.6 cm  
Lilitan leher: 91.0 cm  
Lilitan badan: 89.0 cm  
Tinggi: 13.3 cm  
Berat: 2120 g  
Warna: 10yr 2/1 (*Black*)

## 14. BT 8 (LMP 25. 79. B)



Lilitan mulut: 117.4 cm  
Diameter mulut: 29.8 cm  
Lilitan leher: 99.0 cm  
Lilitan badan: 95.0 cm  
Tinggi: 16.6 cm  
Berat: 2285 g  
Warna: 10yr 2/1 (*Black*)

## 15. BT 2



Lilitan mulut: 94.6 cm  
Diameter mulut: 23.0 cm  
Lilitan leher: 78.6 cm  
Lilitan badan: 76.4 cm  
Tinggi: 13.8 cm  
Berat: 1111 g  
Warna: 10yr 2/1 (*Black*)

## 16. BT 11



Lilitan mulut: 221.0 cm  
Diameter mulut: 93.0 cm  
Lilitan leher: 103.0 cm  
Lilitan badan: 101.4 cm  
Tinggi: 19.3 cm  
Berat: 2995 g  
Warna: 10 YR 2/1 (*Black*)

## 17. Tiada rekod



Lilitan mulut: 117.8 cm  
Diameter mulut: 36.6 cm  
Lilitan leher: 107.0 cm  
Lilitan badan: 94.0 cm  
Tinggi: 16.0 cm  
Berat: 2377 g  
Warna: 10 YR 2/1 (*Black*)

## 18. TM 20 G-119 (Tembikar Kelantan)



Lilitan mulut: 43.0 cm  
Lilitan leher: 35.8 cm  
Lilitan badan: 65 cm  
Tinggi: 16.6 cm  
Berat: 1285 g  
Warna: 10yr 2/1 (*Black*)

Sebuah tembikar yang lengkap pasti akan disertakan dengan ragam hias pada permukaannya. Terenang dan belanga yang terdapat di Muzium Sultan Abu Bakar dihiasi dengan pelbagai jenis ragam hias di bahagian bibir, leher, dada dan tali air. Majoriti terenang tidak mempunyai corak di bahagian badan. Didapati hanya dua terenang di Muzium Sultan Abu Bakar mempunyai corak di bahagian badan (TRNG 5 dan TRNG 15). Umumnya, ragam hias terenang dan belanga terdiri daripada gaya geometri dan unsur alam sekeliling. Walaupun penciptaan bentuk motif dibuat dengan gaya geometri tetapi unsur yang digunakan mengambil idea daripada alam iaitu tumbuhan/flora dan juga fauna seperti tapak rusa/kijang, dan ikan (tulang).

Terdapat lebih 40 jenis corak digunakan untuk menghiasi terenang, tiga (3) jenis corak dikenal pasti bagi tembikar belanga (pucuk rebung, garisan pendek dan simbol U) dan tiga (3) jenis corak bagi tembikar periuk Kelantan (ukiran bulat dikelilingi oleh bunga tanjung di bahagian luar dan dalamnya, satu set corak seperti bunga meranti dan daun lontar). Jadual 2 menunjukkan motif corak yang terdapat pada terenang, belanga dan periuk manakala Foto 2 menunjukkan reka bentuk terenang menurut pembahagiannya. Selain itu terdapat juga motif-motif baru yang tidak pernah direkodkan sebelum ini. Antaranya ialah corak seakan daun, garisan panjang disusun secara condong, simbol 'y' kecil, simbol S dan Z terbalik. Didapati pengaruh alam sekeliling seperti flora dan fauna sangat berperanan menentukan jenis-jenis motif yang dihasilkan untuk diterap pada permukaan terenang dan belanga di Pahang.

Jadual 2. Motif corak pada terenang, belanga dan periuk di Muzium Sultan Abu Bakar

Bil	Nama	Bahagian	Corak
01.	TRNG 1 (LMP 22.79 B)	Bibir Leher Dada Tali air	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Garisan selari</li> <li>• Simbol X</li> <li>• Pucuk rebung</li> <li>• Semi bulat</li> <li>• Simbol X</li> <li>• Garisan selari</li> <li>• Garisan selari</li> <li>• Berbintik-bintik</li> <li>• Bintang</li> <li>• Rumput sambau</li> <li>• Simbol X</li> <li>• Bunga ulan</li> <li>• Segi tiga</li> <li>• Bunga kelopak</li> <li>• Bulan sabit</li> <li>• Segi tiga</li> <li>• Zigzag bertitik</li> <li>• Garisan pendek condong</li> </ul>
02.	TRNG 3 (LMP 129.79 B)	Bibir Leher Dada	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Garisan selari</li> <li>• Bulan sabit</li> <li>• Segi empat bujur</li> <li>• Pucuk rebung</li> <li>• Bunga cengkikh</li> <li>• Petak</li> <li>• Simbol X</li> <li>• Simbol V</li> <li>• Garisan selari</li> <li>• Garisan selari</li> <li>• Bunga cengkikh</li> </ul>

			<ul style="list-style-type: none"> <li>● Bunga pecah empat</li> <li>● Segi empat tepat condong</li> <li>● Simbol X saiz besar</li> <li>● Bulan sabit</li> <li>● Balung kuku</li> </ul>
03.	TRNG 5 (G11J)	Tali air	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Petak</li> <li>● Garisan selari</li> <li>● Garisan selari</li> <li>● Simbol X</li> </ul>
		Bibir	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Pucuk rebung</li> <li>● Simbol X</li> <li>● Bunga cengkikh</li> <li>● Garisan selari</li> </ul>
		Leher	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Simbol X</li> <li>● Garisan selari</li> <li>● Tapak rusa/kijang</li> <li>● Tulang ikan</li> </ul>
		Dada	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Segi empat bujur</li> <li>● Lima garisan lurus</li> <li>● Bunga tanjung</li> <li>● Garisan selari</li> </ul>
		Badan	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Simbol X</li> <li>● Garisan selari</li> </ul>
04.	TRNG 8	Tali air	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Simbol U</li> <li>● Pucuk rebung</li> <li>● Garisan selari</li> <li>● Garisan condong</li> </ul>
		Bibir	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Daun</li> <li>● Segi empat tepat dengan garis pendek</li> <li>● Simbol X</li> <li>● Bunga meranti</li> </ul>
		Leher	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Garisan pendek dan condong</li> <li>● Garisan selari</li> <li>● Garisan panjang</li> <li>● Bulan sabit</li> </ul>
		Dada	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Segi empat bujur</li> <li>● Pucuk rebung</li> <li>● Bulatan</li> <li>● Bunga pecah empat</li> </ul>
05.	TRNG 9	Tali air	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Bunga pecah empat</li> <li>● Segi empat tepat condong</li> <li>● Tapak rusa/kijang</li> <li>● Siku kluang</li> <li>● Bulan sabit</li> </ul>
		Bibir	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Garisan selari</li> </ul>
		Leher	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Garisan selari</li> </ul>
		Dada	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Garisan selari</li> </ul>

	Tali air	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Garisan selari</li> <li>• Simbol X</li> </ul>
06. TRNG 12	Bibir	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Garisan selari</li> <li>• Simbol X</li> <li>• Bunga pecah empat</li> <li>• Bulan sabit</li> </ul>
	Leher	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pucuk rebung</li> <li>• Bunga pecah tiga</li> <li>• Simbol Y</li> <li>• Simbol V</li> </ul>
	Dada	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Siku kluang</li> <li>• Bulan sabit</li> <li>• Bunga pecah empat</li> <li>• Segi empat tepat</li> <li>• Bulan sabit</li> <li>• Garisan selari</li> </ul>
07. TRNG 14	Tali air	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Garis pendek condong</li> </ul>
	Bibir	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Garisan selari</li> <li>• Bulan sabit</li> </ul>
	Leher	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pucuk rebung</li> <li>• Simbol X</li> <li>• Bulan sabit</li> </ul>
	Dada	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Simbol huruf Y (kecil)</li> <li>• Bunga tanjung</li> <li>• Potong wajik</li> <li>• Garisan selari</li> <li>• Bunga meranti</li> </ul>
08. TRNG 15	Tali air	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Garisan selari</li> <li>• Simbol X</li> </ul>
	Bibir	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Daun</li> <li>• Garisan selari</li> </ul>
	Leher	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Petak</li> </ul>
	Dada	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Petak</li> <li>• Simbol X</li> </ul>
	Badan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semi bulatan</li> <li>• Bunga tanjung</li> </ul>
09. TRNG 18	Tali air	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Garisan selari</li> <li>• Simbol X</li> </ul>
	Bibir	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bulatan berbintik</li> <li>• Bulan sabit</li> <li>• Garisan selari</li> </ul>
	Leher	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pucuk rebung</li> <li>• Bunga pecah empat</li> <li>• Simbol V</li> </ul>
	Dada	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Petak condong</li> <li>• Simbol S (terbalik)</li> <li>• Simbol U</li> <li>• Simbol V</li> </ul>
	Tali air	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semi bulatan</li> <li>• Garisan selari</li> </ul>

10.	TRNG 21	Bibir	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Bulan sabit</li> <li>● Tapak rusa/kijang</li> <li>● Garisan selari</li> </ul>
		Leher	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Pucuk rebung</li> <li>● Bunga lawang</li> <li>● Simbol V</li> </ul>
		Dada	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Bulatan</li> <li>● Simbol X</li> <li>● Simbol S (terbalik)</li> <li>● Susur kelapa</li> <li>● Bunga meranti</li> <li>● Garisan selari</li> </ul>
		Tali air	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Pucuk rebung</li> <li>● Pecah matahari</li> <li>● Simbol X</li> <li>● Simbol V</li> </ul>
11.	TRNG 22	Bibir	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Pucuk rebung</li> <li>● Bulan sabit</li> <li>● Pecah matahari</li> </ul>
		Leher	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Potong wajik</li> <li>● Pecahan matahari</li> <li>● Pucuk rebung</li> <li>● Simbol X</li> </ul>
		Dada	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Pecahan matahari</li> <li>● Bunga kundur</li> <li>● Potong wajik</li> <li>● Garisan selari</li> <li>● Pucuk rebung</li> <li>● Bulan sabit</li> <li>● Ombak?</li> </ul>
		Tali air	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Pucuk rebung</li> <li>● Bunga kelopak</li> <li>● Garisan selari</li> <li>● Bunga tanjung (separuh)</li> <li>● Bunga cengkikh</li> </ul>
12.	LMND 412. 93	Bibir	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Garisan selari</li> </ul>
	B		<ul style="list-style-type: none"> <li>● Bunga pecah empat</li> </ul>
		Leher	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Pucuk rebung</li> <li>● Bunga pecah empat</li> <li>● Garisan selari</li> </ul>
		Dada	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Simbol Z (terbalik)</li> <li>● Pucuk rebung</li> <li>● Simbol X</li> <li>● Simbol S (terbalik)</li> <li>● Bunga ulan bertitik</li> <li>● Garisan selari</li> </ul>
		Tali air	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Bunga ulan bertitik</li> <li>● Garisan selari</li> <li>● Corak X</li> </ul>
13.	LMND 210.80	Badan	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Tiada corak</li> </ul>

	B		
14.	BT 8 (LMP 25.79 B)	Badan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pucuk rebung</li> <li>• Garisan pendek menegak</li> <li>• Pucuk rebung condong</li> <li>• Pucuk rebung condong</li> <li>• Pucuk rebung condong</li> <li>• Simbol U condong</li> </ul>
15.	BT 2	Badan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Garisan selari</li> </ul>
16.	BT 11	Badan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Garisan bulat dikelilingi bunga tanjung</li> </ul>
17.	Tiada rekod	Badan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Daun lontar</li> </ul>
18.	Periuk Kelantan	Bibir Badan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bunga meranti</li> </ul>

Nota: - memerlukan penelitian semula




Foto 2. Pembahagian jasad terenang

#### TRNG 1 (LMP 22.79B)

Terenang ini dihiasi dengan pelbagai jenis corak di bahagian bibir, leher, dada dan tali air. Bahagian bibir dihiasi dengan corak ringkas seperti garisan panjang menegak yang diukir sedikit condong dan simbol X (Foto 3). Leher pula dihiasi dengan corak pucuk rebung, semi-bulatan dan simbol X yang disempadani oleh garisan selari di bahagian atas dan bawah (Foto 3). Menurut Siti Zainon (2018) corak pucuk rebung seperti yang terdapat pada TRNG 1 dikenali sebagai pucuk rebung geluk Ulu Tembeling. Hal ini kerana terenang dengan corak sebegini pernah dijumpai di kawasan pedalaman Sungai Tembeling, Pahang. Bahagian dada terenang ini sarat dengan beberapa jenis corak dan setiap set corak ini dipisahkan oleh garisan lurus yang dibuat secara melintang. Contohnya, hiasan dari atas ke bawah di bahagian dada menyaksikan garisan selari diikuti dengan corak berbintik-bintik, bintang, rumput sambau (Ayub et al. 2019), simbol X, bunga ulan, segi tiga dan bunga kelopak (Foto 3). Bahagian tali air pula dihiasi dengan corak bulan sabit, segi tiga, garisan pendek condong dan corak zigzag yang dibuat secara bertitik-titik. Terdapat kesan retak di bahagian bibir terenang ini.

## TRNG 3 (LMP 129.79 B)

Terenang ini juga mempunyai corak yang pelbagai di bahagian bibir, leher, dada dan tali air. Ukiran dan corak seperti garisan selari, segi tiga, bulan sabit dan segi empat bujur dijumpai di bahagian bibir manakala pucuk rebung di bahagian leher (Foto 4). Menariknya, di ruang dalam corak pucuk rebung tersebut telah dimuat dengan corak bunga pecah tiga (Foto 4). Di bawah corak ini pula terdapat ukiran petak, simbol X dan simbol V yang dipisahkan oleh garisan selari melintang. Bahagian dada pula dihiasi dengan corak bunga cengklik, simbol X bersaiz kecil dan besar, segi empat tepat yang disusun secara condong dan bulan sabit (Foto 4). Menurut Suresh (2014) motif yang terdapat di bahagian dada tembikar lazimnya akan dipisahkan oleh satu atau dua garisan yang dipanggil sebagai garisan selari ulangan. Tali air pula dihiasi dengan corak petak dan garisan lurus melintang (Foto 4). Terdapat sedikit kesan retak dijumpai di bahagian bibir tembikar. Terenang ini merupakan satu-satunya spesimen yang mempunyai corak tekanan kuku di bahagian dada. Kajian etnografi Suresh (2011) menunjukkan bahawa corak tekanan kuku digunakan secara luas atas permukaan tembikar Bajau di Semporna, Sabah. Namun begitu, buat pertama kalinya motif tekanan yang sama telah ditemui pada tembikar terenang. Penelitian lanjutan diperlukan untuk mengukuhkan tafsiran ini.




Foto 3. Corak di bahagian bibir, leher, dada dan tali air TRNG 1




Foto 4. Corak di bahagian bibir, leher, dada dan tali air TRNG 3

#### TRNG 5 (G11J)

Corak pada terenang ini boleh dijumpai di bahagian bibir, leher, dada, badan dan tali air. Bibir dihiasi dengan garisan selari melintang dan simbol X (Foto 5). Lehernya pula dihiasi dengan beberapa jenis corak. Contohnya, bahagian atas leher dihiasi dengan corak pucuk rebung berserta simbol X di ruang dalamnya (Foto 5). Di bawah pucuk rebung pula terdapat corak petak, simbol X dan bunga cengkih (Foto 5). Corak pucuk rebung dan bunga cengkih yang dijumpai pada tembikar ini agak sinonim dengan corak gaya geluk buyung labu Pulau Tiga. Turut dijumpai adalah corak tapak rusa/kijang, simbol X, tulang ikan dan segi empat bujur di bahagian dada (Foto 5). Setiap set corak ini dipisahkan oleh garisan selari melintang. Corak tulang ikan yang ditemui pada terenang ini juga hampir mirip dengan corak bunga padi jika dilihat secara mata kasar (perlu diteliti semula). TRNG 5 merupakan salah satu terenang yang sarat dengan ragam hias sehingga ke bahagian badan. Corak yang terdapat di bahagian badan ialah lima garisan lurus melunjur ke bawah yang dipisahkan oleh bunga tanjung (Foto 5). Dua garisan selari melintang dan simbol X digunakan untuk menghiasi tali air (Foto 5). Kesan pecahan telah dijumpai di bahagian bibir terenang ini.




Foto 5. Corak di bahagian bibir, leher, dada, badan dan tali air TRNG 5

#### TRNG 8

TRNG 8 dihiasi dengan pelbagai jenis corak khususnya di bahagian bibir, leher, dada dan tali air. Corak di bibir terdiri daripada garisan selari melintang, simbol X dan U manakala bahagian leher pula dihiasi dengan corak pucuk rebung bersaiz besar yang di dalamnya mempunyai pucuk rebung bersaiz kecil (Foto 6). Corak pucuk rebung yang ditemui pada terenang ini hampir menyerupai gaya pucuk rebung geluk Kuala Pilah. Bahagian dada pula dihiasi dengan simbol X, corak seakan daun, segi empat tepat yang di dalamnya mempunyai garis pendek yang disusun secara condong dan bunga meranti (Foto 6). Bahagian tali air pula dihiasi dengan corak pucuk rebung dan di bawahnya mempunyai dua garisan yang mana ruang dalamnya mempunyai garis pendek yang diukir secara condong (Foto 6).




Foto 6. Corak di bahagian bibir, leher, dada dan tali air TRNG 8

#### TRNG 9

TRNG 9 dihiasi dengan beberapa jenis corak di bahagian bibir, leher, dada dan tali air. Corak di bahagian bibir terdiri daripada garisan selari melintang, garis panjang menegak yang diukir secara condong, bulan sabit dan segi empat bujur (Foto 7). Bahagian leher pula dipenuhi dengan corak pucuk rebung yang disusun secara bertingkat dan dikelilingi oleh corak bulatan kecil manakala bahagian bawah leher dihiasi dengan bunga pecah empat (Foto 7). Corak-corak ini dipisahkan oleh garisan selari melintang. Dada pula dihiasi dengan corak bunga pecah empat, bulan sabit, segi empat tepat condong, tapak rusa/kijang serta siku kluang yang dipisahkan oleh corak bulan sabit di bahagian tengahnya (Foto 7). Garisan selari dan simbol X telah dijumpai di bahagian tali air (Foto 7). Terdapat sedikit kesan retak di bahagian bibir terenang ini.

#### TRNG 12

TRNG 12 mempunyai beberapa corak di bahagian bibir, leher, dada dan tali air. Di bahagian bibir terdapat tiga corak iaitu garisan selari melintang, simbol X dan bulan sabit (Foto 8). Bahagian leher pula dihiasi dengan corak pucuk rebung, bunga pecah tiga dan simbol Y (Foto 8). Bagi terenang ini corak pucuk rebung dibuat dalam saiz yang besar dan corak bunga pecah tiga dan simbol Y bersaiz kecil dimuat di ruangan dalam corak pucuk rebung tersebut (Foto 8). Corak pucuk rebung yang dijumpai pada tembikar ini mempunyai persamaan dengan corak pucuk rebung gaya geluk Kuala Pilah. Di bawah corak pucuk rebung terdapat corak seperti siku kluang yang disusun secara melintang (Foto 8). Di bawah corak ini pula terdapat simbol V ataupun *chevron* yang turut diukir secara melintang. Bahagian dada pula dihiasi dengan corak bulan sabit, bunga pecah empat, segi empat tepat dan bunga kelopak (Foto 8). Setiap set corak ini dipisahkan oleh garisan selari melintang. Bahagian tali air pula dihiasi dengan garisan pendek yang diukir secara condong (Foto 8). Sedikit kesan retak dijumpai di bahagian bibir terenang ini.




Foto 7. Corak di bahagian bibir, leher, dada dan tali air TRNG 9




Foto 8. Corak di bahagian bibir, leher, dada dan tali air TRNG 12

#### TRNG 14

Terenang ini mempunyai corak di bahagian bibir, leher, dada dan tali air. Bahagian bibir didapati telah pecah dan ditampal, dan dihiasi dengan dua jenis corak iaitu garisan selari melintang dan bulan sabit (Foto 9). Bahagian leher pula dihiasi dengan corak pucuk rebung bersaiz besar dan kecil, simbol X dan bulan sabit (Foto 9). Bahagian dada dihiasi dengan simbol huruf 'y' kecil, bunga tanjung, corak potong wajik dan bunga meranti (Foto 9). Setiap set corak ini dipisahkan oleh

garisan selari melintang. Corak yang diukir di bahagian tali air adalah garisan selari dan simbol X (Foto 9).




Foto 9. Corak di bahagian bibir, leher, dada dan tali air TRNG 14

#### TRNG 15

TRNG 15 merupakan terenang yang mempunyai corak yang sedikit berbeza berbanding dengan terenang lain di Muzium Sultan Abu Bakar. Terenang ini dihiasi dengan motif geometri dalam bentuk petak, semi bulatan, simbol V serta motif flora iaitu daun dan bunga tanjung. Bibir tembikar dihiasi dengan garisan selari melintang dan corak yang kelihatan seakan-akan daun (Foto 10). Bahagian leher mempunyai corak petak manakala dada pula mempunyai corak petak dan simbol X yang dipisahkan oleh garisan melintang (Foto 10). Bahagian badan pula dihiasi dengan bunga tanjung dan semi bulatan yang disusun secara zigzag (Foto 10). Bahagian tali air terdiri daripada ukiran simbol X dan garisan selari melintang (Foto 10). Terdapat sedikit kesan retak di bahagian bibir terenang ini.




Foto 10. Corak di bahagian bibir, leher, dada, badan dan tali air TRNG 15

## TRNG 18

Corak yang terdapat di bahagian bibir terenang ini adalah bulan sabit dan bintik-bintik yang membentuk corak seperti bulatan serta garisan selari (Foto 11). Corak pucuk rebung yang begitu sinonim dalam masyarakat Melayu itu digunakan hampir di seluruh bahagian leher terenang (Foto 11). Corak pucuk rebung yang terdapat di bahagian leher ini juga mempunyai persamaan dengan corak pucuk rebung geluk buyung labu Sayong. Turut dijumpai adalah bunga pecah empat yang dihiasi ruangan dalam dan bawah corak pucuk rebung tersebut (Foto 11). Simbol V pula disusun secara melintang selepas corak bunga pecah empat (Foto 11). Bahagian dada tembikar pula dihiasi dengan garisan panjang menegak yang disusun secara condong, simbol S terbalik, simbol U dan V (Foto 11). Di bahagian tali air terdapat corak bulatan yang disusun secara melintang dan garisan di bawahnya. (Foto 11). Terdapat sedikit kesan retak di bahagian bibir terenang ini.




Foto 11. Corak di bahagian bibir, leher, dada dan tali air TRNG 18

## TRNG 21

TRNG 21 dipenuhi dengan ragam hias gabungan flora, fauna dan geometri. Corak yang terdapat di bahagian bibir adalah bentuk tapak rusa/kijang, bulan sabit dan garisan selari melintang (Foto 12). Bahagian leher pula dihiasi dengan corak pucuk rebung berunsurkan gaya pucuk rebung geluk Kuala Pilah, siku kluang yang disusun secara menegak, simbol V dan garisan selari digunakan untuk memisahkan corak di antara siku kluang dan simbol V (Foto 12). Bahagian dada terenang ini dihiasi dengan corak bulatan, simbol X, simbol S terbalik, susur kelapa menegak (yang biasanya ditemui pada labu Sayong) dan bunga meranti (Foto 12). Corak di bahagian tali air pula terdiri daripada pucuk rebung, bulatan, simbol X dan bunga meranti (Foto 12). Setiap susunan corak yang ada di bahagian dada dan tali air terenang ini dipisahkan oleh garisan selari melintang. Bibir terenang ini mempunyai sedikit kesan retak.




Foto 12. Corak di bahagian bibir, leher, dada dan tali air TRNG 21

#### TRNG 22

TRNG 22 mempunyai beberapa corak yang berfokus di bahagian bibir, leher, dada dan tali air hingga ke dasar. Bibir terenang ini mempunyai corak pucuk rebung yang hampir sama dengan corak pucuk rebung gaya geluk dan buyung labu Pulau Tiga, bulan sabit, bulatan, kesan tebuk (tidak tembus) dan garisan selari melintang (Foto 13). Corak bulan sabit dan bulatan digunakan sebagai perantara di antara corak pucuk rebung. Leher tembikar turut dihiasi dengan corak pucuk rebung, simbol X, bulatan dan potong wajik (Foto 13). Di bahagian dada pula terdapat corak pucuk rebung yang menyerupai corak pucuk rebung gaya geluk Kuala Pilah, pecah matahari, potong wajik, bunga kundur Pulau Tiga, bulan sabit, garisan pendek condong dan corak yang kelihatan seperti ombak yang berulang (Foto 13). Tali air pada terenang ini mempunyai corak pucuk rebung, bunga kelopak, bunga tanjung umum (separuh), garisan selari dan bunga cengkuk (Foto 13).

#### LMND 412. 93 B

Bibir terenang ini dihiasi dengan simbol X dan garisan selari melintang (Foto 14). Bahagian leher pula dihiasi dengan corak pucuk rebung yang mirip dengan gaya pucuk rebung geluk Kuala Pilah dan simbol X. Bahagian dada sarat dengan pelbagai jenis corak seperti simbol Z terbalik yang diukir secara condong, pucuk rebung, simbol S terbalik, simbol X dan corak bunga kelopak yang dibuat secara berbintik (Foto 14). Setiap set corak ini disusun secara melintang di bahagian dada dan dipisahkan oleh garisan selari melintang. Tali air terenang ini dihiasi dengan simbol X dan corak bunga kelopak sama seperti yang terdapat di bahagian dada (Foto 14).




Foto 13. Corak di bahagian bibir, leher, dada dan tali air TRNG 22




Foto 14. Corak di bahagian bibir, leher, dada dan tali air LMND 412. 93 B

### LMND 210.80 B dan BT8 (LMP 25. 79. B)

Kedua-dua spesimen ini merupakan tembikar jenis belanga. LMND 210.80 B tidak mempunyai corak manakala BT8 (LMP 25.79. B) mempunyai corak pucuk rebung bersaiz besar di bahagian badan. Pucuk rebung yang dibuat secara melintang itu turut dihiasi dengan garisan pendek menegak di bahagian bucunya (Foto 15). Terdapat sedikit kerosakan di bahagian dasar belanga tetapi ia telah ditampal dan dilakukan konservasi.




Foto 15. Corak di bahagian badan belanga BT 8

### BT 2

BT 2 adalah tembikar jenis belanga yang mempunyai satu jenis motif sahaja iaitu corak pucuk rebung. Corak ini dijumpai di bahagian badan tembikar dan mempunyai persamaan dengan pucuk rebung yang ditemui pada geluk buatan masyarakat Melayu di Sayong, Perak (Foto 16). Kepelbagaiannya bentuk dan corak pucuk rebung gaya geluk dan labu pernah dilaporkan sebelum ini oleh Siti Zainon (2018). Tiada corak ditemui di bahagian bibir dan leher BT 2.




Foto 16. Corak di bahagian badan belanga BT 2

### BT 11 dan BT? (Tiada rekod pendaftaran)

Kedua-dua belanga ini hanya memiliki satu jenis motif iaitu corak pucuk rebung. Namun, corak ini tidak sama seperti corak pucuk rebung yang dijumpai pada terenang kerana bucunya dibuat secara tajam dan disusun secara condong di bahagian badan (Foto 17). Kemungkinan besar corak ini

dibuat berdasarkan idea asal corak pucuk rebung yang dibuat ke atas terenang dan kemudian diubahsuai mengikut keperluan semasa. Belanga yang tidak mempunyai rekod pendaftaran mempunyai motif simbol U di bahagian bawah corak pucuk rebung (Foto 17).




Foto 17. Corak yang ditemui di bahagian badan belanga BT 11

TM 20 G-119

TM 20 G-119 merupakan tembikar jenis periuk masak. Menurut rekod PMNP tembikar ini merupakan produk buatan Kelantan. Periuk ini tidak mempunyai motif sarat seperti yang dijumpai pada tembikar terenang dan belanga. Ia hanya mempunyai tiga jenis corak di bahagian dada iaitu corak bulat yang dikelilingi oleh bunga tanjung di bahagian luar dan dalamnya (Foto 18). Turut ditemui adalah satu set corak seperti bunga meranti dan daun lontar (Foto 18). Kesemua corak ini tiada hubungan dengan corak yang dijumpai pada tembikar belanga dan terenang Pahang kecuali motif fauna iaitu bunga meranti. Motif corak ini memerlukan pencerahan dan analisis lanjutan kerana seakan-akan menyerupai imej anak pokok padi.




Foto 18. Corak-corak yang dijumpai di bahagian dada periuk masak

### **SPESIMEN TEMBIKAR PRASEJARAH**

Tembikar prasejarah yang terdapat dalam koleksi Muzium Sultan Abu Bakar adalah dari tapak arkeologi Gunung Senyum, Gua Bama dan Gua Sagu di Pahang. Hampir semua tembikar prasejarah yang direkodkan adalah dalam bentuk serpihan dan ini menyebabkan bentuk asal tembikar tidak dapat ditentukan (Foto 19-20). Analisis awalan mendapati dari segi tekstur dan motif tembikar prasejarah Gunung Senyum, Gua Bama dan Gua Sagu bersifat kasar dan corak permukaan sangat ringkas menggunakan motif geometri atau elemen garisan sahaja. Hal ini selari dengan pendapat Wahiza (2001) yang menyatakan bahawa tembikar prasejarah di Semenanjung Malaysia memiliki reka corak yang bersifat ringkas seperti garisan, titik, garis keluk, garis tulang ikan, bentuk berlian (potong wajik) pucuk rebung dan tanda tali.

Pemerhatian awal juga mendapati pecahan mangkuk dari Gua Senyum sarat dihiasi dengan corak tali di bahagian dasarnya. Jumpaan serpihan tembikar bertanda tali turut dilaporkan dari Gua Bama (Adi 1983). Berdasarkan motif pada bibir, tembikar Gua Sagu boleh dikelaskan kepada tiga kategori iaitu *ridged rims*, *grooved rim* dan *plain rim*. Penyelidikan arkeologi oleh Zuraina Majid pada awal tahun 1990-an telah memberikan pentarikhkan sekitar  $2,835 \pm 70$  B.P. bagi tapak Gua Sagu (Zuraina et al. 1998).

Selain motif dan ragam hias, analisis awalan juga mendapati serpihan tembikar prasejarah dari Gunung Senyum, Gua Bama dan Gua Sagu dapat diklasifikasi berdasarkan bentuk bibir. Terdapat dua jenis bentuk bibir yang dapat dikenal pasti iaitu bibir menegak (*straight/vertical rim*) dan bibir menghala ke luar (*everted rim*). Analisis ke atas bibir tembikar penting bagi menentukan bentuk tembikar memandangkan jumpaan majoriti tembikar prasejarah adalah dalam keadaan tidak lengkap ataupun dalam bentuk serpihan.

Selain ketiga-tiga tapak ini sejumlah serpihan tembikar yang tidak diketahui lokasi tapaknya telah dijumpai ketika analisis. Kebanyakan serpihan ini mempunyai corak dan ia memperlihatkan persamaan dengan corak yang digunakan pada tembikar tradisional Melayu di Kampung Pasir Durian. Antara corak umum yang ditemui adalah motif pucuk rebung dan bulan sabit (Foto 21-22). Kajian Suresh (2017) sebelum ini juga pernah mengetengahkan hipotesis tentang kesinambungan tradisi pembuatan tembikar dari Zaman Prasejarah hingga ke Zaman Sejarah Awal bagi negeri Pahang berdasarkan pada persamaan motif hiasan dan teknologi. Pemahaman tentang tradisi tembikar ini dapat dikukuhkan lagi melalui kajian lanjutan yang mensinergikan pendekatan analisis saintifik, arkeologi dan etno-sejarah.



Foto 19. Pecahan mangkuk tembikar dari Gua Senyum



Foto 20. Serpihan tembikar dari Gua Sagu



Foto 21. Serpihan tembikar bercorak pucuk rebung (asal usul tidak diketahui)



Foto 22. Serpihan tembikar bercorak pucuk rebung (asal usul tidak diketahui)

## PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Lawatan ke Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan pada Ogos 2020 adalah bertujuan untuk menjalankan satu dokumentasi ringkas tentang koleksi tembikar yang terdapat dalam simpanan muzium tersebut. Hasil pemerhatian mendapati Muzium Sultan Abu Bakar memiliki koleksi tembikar prasejarah, tembikar tradisional dan tembikar import seperti seramik dan celadon Cina dalam bilangan yang banyak. Analisis awalan terhadap tembikar tradisional menunjukkan bahawa kesemuanya merupakan produk buatan tempatan iaitu dari Kampung Pasir Durian di Sungai Tembeling, Pahang. Koleksi ini majoritinya terdiri daripada terenang dan belanga. Anggaran berat terenang yang telah dianalisis adalah antara 1.7 kg hingga 2.1 kg manakala ukur lilit badan adalah antara 70 cm hingga 93 cm. Anggaran ukur lilit leher dan diameter leher terenang masing-masing adalah 40 cm dan 17 cm. Bagi belanga pula anggaran berat adalah sekitar 1 hingga 3 kg manakala ukur lilit badan adalah sekitar 100 cm.

Penemuan corak-corak baru melalui kajian ini telah memperbanyakkan lagi maklumat berkenaan motif hiasan yang digunakan ke atas tembikar tradisional Pahang. Kehadiran corak yang sama antara terenang Pahang dan labu, geluk dan buyung dari Sayong dan Pulau Tiga, Perak mungkin telah berlaku atas faktor sumber rujukan alam yang sama terhadap tumbuhan hutan hujan tropika di Semenanjung Malaysia. Selain itu, proses penghijrahan serta perdagangan dan pertukaran yang berlangsung di Alam Melayu juga telah membawa kepada penyebaran budaya dan tradisi tembikar yang sama khususnya di kawasan-kawasan pedalaman. Hal ini juga pernah ditekankan oleh pengkaji-pengkaji lepas seperti Linehan (1928, 1930) dan Adi (1983, 1989) yang menyatakan Sungai Tembeling pernah berfungsi sebagai laluan perdagangan utama sejak Zaman Neolitik lagi. Kajian etnografi terkini oleh PPAG, USM juga menunjukkan berlakunya perdagangan tembikar secara bermusim antara Kelantan dan Sungai Tembeling, Pahang sehingga tahun 1940-an. Hanya satu tembikar berbentuk periuk masak telah direkodkan dan menurut pihak muzium tembikar ini adalah produk buatan Kelantan. Jika melihat pada bentuk, periuk ini mempunyai persamaan dengan periuk masak yang dibuat di Kampung Mambong, Sungai Galas, Jajahan Kuala Krai. Kajian lanjutan berintegrasikan pendekatan saintifik yang melibatkan analisis mineralologi dan kimia serta perbandingan menggunakan data etnografi perlu dilakukan untuk mengesahkan asal usul periuk masak ini. Salah satu ciri yang melambangkan identiti tembikar Mambong adalah kesan kilauan pada permukaan tembikar yang muncul disebabkan oleh kehadiran mineral mika dan titanium (Tajul Shuaizam 2007). Mineral-mineral ini telah dikesan dalam pasir di Sungai Galas dan tidak dijumpai dalam material tanah liat yang diperoleh dari Kampung Bahagia (Suresh 2017).

Koleksi tembikar prasejarah di Muzium Sultan Abu Bakar pula majoritinya terdiri daripada serpihan tembikar tanah dari tapak Gunung Senyum, Gua Bama dan Gua Sagu. Dicadangkan analisis pensampelan dan komposisi dijalankan supaya persoalan tentang asal usul bahan mentah dan teknologi yang digunakan untuk membuat tembikar di kawasan Jerantut, Lipis dan Kuantan pada zaman prasejarah dapat dijawab. Selain itu, kerja-kerja konservasi dan restorasi tembikar prasejarah di Muzium Sultan Abu Bakar juga perlu dipertimbangkan pada masa akan datang dan ia semestinya memerlukan perancangan awal kerana melibatkan masa, kos dan kepakaran untuk meneliti dan mencantum semula setiap serpihan mengikut jasad tembikar asalnya.

Diharapkan hasil laporan dokumentasi ini bukan sahaja menjadi bahan rujukan asas bagi para pelajar dan pengkaji bahkan kepada pihak muzium juga supaya setiap aspek berkait dengan ciri-ciri tipologi iaitu bentuk dan motif corak tembikar tradisional khususnya belanga dan terenang Pahang dapat dikenali dan difahami dengan lebih jelas dan mendalam. Kesan retak pada permukaan beberapa tembikar tradisional perlu diberi perhatian segera supaya ia tidak berlarutan sehingga boleh merosakkan seluruh jasad tembikar. Kaedah konservasi seperti penggunaan resin dan gam yang bersesuaian seperti *Paraloid B72*, *Varaform* dan *Polyfilla* boleh digunakan untuk mengurangkan tahap kerosakan pada tembikar-tembikar ini. Berkaitan dengan tembikar prasejarah, analisis lanjutan harus dijalankan untuk mendapatkan lebih banyak data tentang corak, bentuk dan teknologi tembikar kerana ia amat membantu dalam pentafsiran hubungan budaya antara tembikar dulu dan

kini di Pahang. Justeru, kajian seumpama ini dapat menyumbang kepada falsafah seni warisan tembikar di negeri Pahang.

## PENGHARGAAN

Kajian ini telah dibiayai oleh Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) bertajuk ‘Kajian Hubungan Budaya Antara Tembikar Prasejarah dan Tembikar Tradisional di Lembah Tembeling, Pahang Berasaskan Pendekatan Etnoarkeologi dan Saintifik’ (FRGS/1/2019/WAB02/USM/03/1). Sehubungan dengan itu, pihak penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia atas sumbangan dana yang diberikan. Terima kasih juga diucapkan kepada Datuk Ahmad Farid Abdul Jalal, Pengarah Perbadanan Muzium Negeri Pahang dan staf beliau atas kerjasama yang diberikan ketika lawatan ke muzium serta kebenaran untuk membuat dokumentasi dan analisis terhadap koleksi tembikar tradisional dan tembikar prasejarah.

## RUJUKAN

- Adi Taha. 1983. Recent Archaeological Discoveries in Peninsular Malaysia 1976-1982. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 56(1): 47-63.
- Adi Taha. 1989. Archaeological, Prehistoric, Protohistoric and Historic Study of the Tembeling Valley, Pahang, West Malaysia. *Jurnal Arkeologi Malaysia* 2: 47-69.
- Ayub Awang, Sahrudin Mohamed Som, Izati Nabila Marzuki dan Farrah Atikah Saari. 2019. A Study Towards the Influences Affecting Design and Motifs of Terenang Pottery. *Advances in Social Science, Education, Humanities Research* 421: 230-246.
- Linehan, W. 1928. Some Discoveries on the Tembeling. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 6(4): 66-77.
- Linehan, W. 1930. Notes on Some Further Archaeological Discoveries in Pahang. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 8(2): 314-317.
- Portal Rasmi Jabatan Warisan Negara. 2016. Istana Sultan Abu Bakar (Muzium) Pekan, Pahang. <http://www.heritage.gov.my/index.php/istana-sultan-abu-bakar-muzium-pekan-pahang> (1 Mac 2021).
- Portal Rasmi Diraja Pahang. 2021. [http://www.dirajapahang.my/portaldiraja/?page\\_id=1703](http://www.dirajapahang.my/portaldiraja/?page_id=1703) (1 Mac 2021).
- Siti Zainon Ismail. 2018. *Reka Bentuk Kraf Tangan Melayu Tradisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suresh Narayanan. 2011. The Past and Present Pottery-Making in Semporna, Sabah. Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia.
- Suresh Narayanan. 2014. Pembuatan Tembikar Dulu dan Kini di Semporna, Sabah: Satu Analisis Perbandingan antara Tembikar Bukit Tengkorak dan Tembikar Bajau. Dlm. Mokhtar Saidin & Jeffrey Abdullah (eds.), *Sumbangan Sabah kepada Arkeologi Asia Tenggara: Hasil Penyelidikan 20 Tahun (1993-2013)*. Kota Kinabalu: Jabatan Muzium Sabah.
- Suresh Narayanan. 2017. Past and Present Pottery-Making Traditions in Malaysia: An Ethnoarchaeological Perspective. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia.
- Tajul Shuhaimazam Said. 2007. Estetika Tembikar Tradisi Mambong, Kelantan. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia.
- Wahiza Wahid. 2001. Tembikar Tanah di Malaysia. Dlm. Mohd Shahrim Senik & Mohd Zainudin Abdullah (eds.). *Tembikar: Dari Warisan ke Warasan*. Shah Alam: Lembaga Muzium Selangor.
- Zuraina Majid, Ang, B.H. dan Jaffrie Ignatius. 1998. Late Pleistocene Sites in Pahang: Excavations of Gua Sagu and Gua Tenggek. Dlm. Zuraina Majid (ed.). *Malaysia Museums Journal* 34 (New Series): 65-115. (Special Issue: Archaeological Research and Museums in Malaysia).

**LAMPIRAN 1**

Foto-foto yang diambil ketika kerja dokumentasi dan analisis tembikar di Muzium Sultan Abu Bakar



Analisis klasifikasi awalan tembikar sedang dijalankan



Proses pengenalpastian warna dan ukuran tembikar sedang dijalankan



Proses melukis motif corak tembikar



Proses fotografi tembikar



Pengisian data klasifikasi analisis tembikar dalam sistem komputer  
Suresh Narayanan (Ph.D)  
Pensyarah Kanan  
Pusat Penyelidikan Arkeologi Global  
Universiti Sains Malaysia  
Pulau Pinang  
Email: sureshnarayanan@usm.my

Nasha Rodziadi Khaw (Ph.D)  
Pensyarah Kanan  
Pusat Penyelidikan Arkeologi Global  
Universiti Sains Malaysia  
Pulau Pinang  
Email: rnasha@usm.my

Esnita Sonie  
Pelajar Sarjana  
Pusat Penyelidikan Arkeologi Global  
Universiti Sains Malaysia  
Pulau Pinang  
Email: Esnita.sonie@gmail.com

Nini Havela Dishong  
Pelajar Sarjana  
Pusat Penyelidikan Arkeologi Global  
Universiti Sains Malaysia  
Pulau Pinang  
Email: ninihavela1994@gmail.com

Ahmad Fadly Jusoh  
Pegawai Penyelidik  
Pusat Penyelidikan Arkeologi Global  
Universiti Sains Malaysia  
Pulau Pinang  
Email: ahmad\_fadly@usm.my

Mohamad Ammar Supe  
Pembantu Tadbir  
Pusat Penyelidikan Arkeologi Global  
Universiti Sains Malaysia  
Pulau Pinang  
Email: ammars@usm.my

Mohammad Ajib Rosman  
Pelajar Sarjana Muda Sastera (Seni Halus)  
Pusat Pengajian Seni  
Universiti Sains Malaysia  
Pulau Pinang  
Email: mohammadajib023@gmail.com

Received : 14 Februari 2021  
Accepted : 16 April 2021  
Published : 30 April 2021